

XXXXXX

Lawan

XXXXXX

[Mahkamah Tinggi Syariah Melaka (Kes Rayuan daripada Mahkamah Rendah Syariah ke Mahkamah Tinggi Syariah)]

(YAA Datuk Mahammad bin Ibrahim
Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka) pada
[11 Jamadilawal 1430 H bersamaan 6 Mei 2009 M]
[Kes Rayuan Mal bil: 04500-054-0001-2009]

Undang-Undang Pentadbiran
Bidang Kuasa Mahkamah untuk mendengar rayuan Seksyen 51.

Fakta Kes

1. Dalam kes ini perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah yang mensabitkan jatuh talak tiga berdasarkan lafaz yang diucapkan oleh perayu yang berbunyi “aku ceraikan talak tiga” tanpa memberikan tumpuan atau pertimbangan atau perhatian kepada lafaz talak tersebut atau perhatian keadaan pemikiran (state of mind) perayu semasa melafazkan talak tiga tersebut.
2. Dalam kes ini pihak perayu telah berkahwin dengan responden pada 23.12.1972 di Kampung Cincin Jasin Melaka. Hasil perkahwinan mereka telah dianugerahkan dengan tiga orang anak. Perayu pernah

membuat dua kali pengesahan lafaz talak di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur tetapi tidak disabitkan.

Pada jam 6.10 petang, 2.5.2008 bertempat di lot 468, Batu 25 Kampung Jus Selandar Melaka perayu telah melafazkan talak seperti berikut:-

“Aku ceraikan talak tiga”

kepada isteri akibat daripada timbul perbalahan di antara suami dan isteri. Semasa lafaz tersebut tiada ada seorang saksi pun yang mendengar lafaz tersebut kecuali mereka berdua. Mahkamah dapati juga ada dua lafaz yang lain yang diucapkan oleh perayu di dengar oleh isteri seperti kata isterinya “saya ceraikan dengan talak tiga” “aku ceraikan kau dengan talak tiga”.

3. Keputusan YA Hakim Mahkamah Rendah Syariah Jasin Melaka

Perayu disabitkan talak tiga dan diperintahkan Responden beridiah dengan tiga kali suci serta memerintahkan Jabatan Agama Islam Daerah Jasin mendaftar perceraian tersebut.

Di atas ketidakpuasan hati terhadap sabitan tersebut, perayu telah mengemukakan alasan-alasan rayuan seperti berikut:-

- i) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal dan atau enggan memberikan sebarang tumpuan dan/atau pertimbangan dan/atau perhatian kepada keadaan pemikiran (state of mind)

Oleh perayu semasa melafazkan talak tiga (3) di dalam satu (1) kali lafaz.

- ii) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal dan/atau enggan memberi sebarang pertimbangan wajar terhadap kekesalan yang teramat sangat oleh perayu selepas lafaz tersebut berlaku.
- iii) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal dan/atau enggan memberi sebarang pertimbangan wajar terhadap hasrat murni @ suci perayu dan Responden ini untuk merujuk semula sebagai suami isteri.
- iv) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal melihat kepada pihak-pihak berkaitan ini yang bersedia untuk rujuk semula demi masa depan dan kebaikan serta kebajikan keluarga dan anak-anak dan cucu-cucu.
- v) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang ketika memutuskan kes ini tidak mempertimbangkan secara serius hadis di bawah ini:-

Diriwayatkan Muslim dari Ibn Abbas berkata yang bermaksud: Adalah talak pada masa Rasulullah s.a.w. Abu Bakar dan dua tahun pada masa Umar, talak tiga jatuh satu sahaja. Maka Umar berkata, "Sesungguhnya manusia telah menyegerakan perkara yang seharusnya mereka lambatkan, maka kalau kita luluskan ke atas mereka selesailah ia, "lalu ia luluskan ke atas mereka.

Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas daripada Rukanah bahawa ia menceraikan isterinya tiga talak dalam satu majlis, kemudian ia berdukacita yang amat sangat kerananya, lalu baginda s.a.w. bertanya beliau, bagaimana kamu menceraikannya? Ia menjawab, talak tiga dalam satu majlis, Lalu Baginda s.a.w. bersabda padanya,

Ertinya:-

"Sesungguhnya yang demikian itu hanya satu talak, rujuklah kepadanya"

Hadis yang diriwayatkan Ibn Abbas ini disandarkan kepada Muhammad bin Ishak, banyak hukum-hukum berdasarkan sandaran ini.

Walaupun hadis ini bertentangan dengan fatwa Ibn Abbas sendiri iaitu beliau memberi fatwa kepada orang yang bertanya tentang hukum talak dengan lafaz tiga adalah jatuh talak tiga. Namun, riwayat beliau di ambil kira bukan pendapat beliau.

- vi) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan kes ini terlepas pandang bahawa perayu semasa memberi keterangan di Mahkamah pada 28 Mei, 2008 ada menyatakan bahawa beliau telah bergaduh, bertelagah dan ada elemen provokasi yang kuat yang akhirnya secara spontan tanpa memikirkan akibat daripada percakapan tersebut telah terlepas cakap "Aku ceraikan talak 3". Perayu tidak rela dan tidak ada langsung bercadang dan bermaksud untuk menceraikan Responden dengan talak tiga sekali gus.
- vii) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal melihat keadaan kepada tahap kefahaman ilmu talak oleh perayu sebagai orang awam dan kesedaran akibat kesan daripada lafaz cerai talak tiga tersebut kepada hubungan suami isteri perayu dan responden.
- viii) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila mengatakan bahawa rujukan mazhab perlu merujuk kepada Mazhab Syafie terlebih dahulu dan seolah-olah menafikan pandangan mazhab-mazhab yang lain seperti Maliki, Hanafi dan Hambali.

Merujuk kepada Alasan Penghakiman muka surat 11, para 14, Seksyen 130(2) Enakmen Keterangan Mal Syariah (Negeri Melaka) 2002, menyatakan jika ada lakuna Mahkamah hendaklah mematuhi hukum syarak.

- ix) Yang Arif Tuan Hakim yang bijaksana telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal untuk mengkaji dan meneliti bahawa di dalam Hukum Syarak, keempat-empat mazhab boleh digunakan dan budi bicara hakim amat –amat dihajati di dalam menangani kemelut keluarga ini untuk mengelakkan kemudharatan yang lagi besar seperti anak-anak kehilangan ibu bapa, anak-anak terbiar bersendirian apabila ibu bapa berpisah, keluarga semakin porak peranda dan kacau bilau serta anak cucu teraniaya.
- x) Maka perayu dengan rendah diri merayu kepada Mahkamah Yang Mulia ini agar mempertimbangkan bahawa perayu dan Responden sememangnya berhajat untuk rujuk semula demi kebaikan keluarga dan anak-anak dan cucu-cucu serta memohon keputusan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Jasin, Melaka diketepikan dan rayuan agar lafaz talak 3 sekali gus boleh dianggap sebagai talak 1 sahaja dan ada ruang untuk rujuk semula.

Peguam Syarie

Perayu : Tetuan Adli & Co
Tuan Mohd Adli bin Ithnin
Peguam bela dan Peguam cara

Responden : Tiada wakil

Kitab yang dirujuk

Syeikh Saiyyid Umar Barakat

1. فيض الاله المالك في صل الفاظ عمدة السالك
معنى المحتاج
2. الموسوعة القواعد الفقهية
Oleh Muhammad Sidqi Ibnu Ahmad al-Burnu
3. الفقه الشافعي الميسر
Karangan Prof Dr. Wahbah az-zuhailly
4. منكاة المصاح في شرح العدة والسلاح في احكام النكاح
Oleh al-Syeikh Muhammad Ibu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy
5. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ketiga tahun 1994.
6. كتاب حديث - السنن الكبرى

Undang-Undang yang dirujuk

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002 – Seksyen 5.1

ALASAN PENGHAKIMAN OLEH YAA DATUK MAHAMMAD BIN IBRAHIM

7

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

1. Berdasarkan kepada alasan-alasan rayuan yang telah dikemukakan, Mahkamah Tinggi Syariah akan mempertimbangkan rayuan perayu. Pertimbangan ini akan memfokuskan kepada penelitian dan penilaian sama ada Hakim Bicara telah membuat keputusan yang wajar dan tepat atau sebaliknya. Berdasarkan kepada rayuan tersebut Mahkamah Tinggi Syariah Melaka akan berpandukan kepada hujah bertulis kedua belah pihak, rekod rayuan, notis rayuan, alasan-alasan rayuan bagi melihat bagaimana keputusan sabitan talak itu dibuat dan diputuskan. Mahkamah Tinggi Syariah juga akan membuat penelitian terhadap alasan-alasan penghakiman Hakim Bicara dalam membuat sabitan talak tersebut.
2. Di dalam membuat pertimbangan terhadap kes rayuan ini Mahkamah Tinggi Syariah Melaka mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan ini. Ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 51(1) (b) (ii) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002.

Mengikut Seksyen 51(1)

Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi Syariah daripada apa-apa keputusan sesuatu Mahkamah Rendah Syariah.

- b - Dalam bidang kuasa malnya

iii - Dalam semua kes yang melibatkan apa-apa keputusan mengenai taraf diri, oleh mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan itu.

Mengikut Seksyen 51(2) (b)

Dalam mana-mana rayuan, Mahkamah Tinggi Syariah boleh –

Dalam perkara mal, mengesahkan ataupun mengubah keputusan Mahkamah perbicaraan menjalankan mana-mana kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah Perbicaraan membuat apa-apa perintah yang sepatutnya dibuat oleh Mahkamah Perbicaraan atau memerintahkan perbicaraan semula.

3. Di dalam kes rayuan ini Mahkamah berpendapat bahawa fakta kes yang dipertikaikan di sini ialah talak. Manakala isu di dalam fakta kes ini ialah lafaz talak yang telah dilafazkan oleh perayu yang berbunyi

“Aku ceraikan talak tiga”.

4. Di dalam catatan Hakim Bicara saya mendapati bahawa terdapat percanggahan fakta isu mengenai lafaz talak yang telah dilafazkan oleh perayu dengan lafaz talak yang telah di dengar oleh Responden. Di dalam catatan Hakim mengenai keterangan Plaintiff semasa mencatatkan keterangannya iaitu “pada 6.10 petang pada 2.5.2008 di Lot 468, Batu 25 Kampung Jus Selandar, saya ada lafazkan **“AKU CERAIKAN TALAK TIGA”**. Manakala pihak Responden pula dalam

keterangannya mengatakan tak ada orang lain kami berdua sahaja lafaz suami "**SAYA CERAIKAN DENGAN TALAK TIGA**". Saya dengar perkataan cerai , saya dengar perkataan talak tiga.

5. Mahkamah juga mendapat bahawa Hakim Bicara juga telah mencatatkan keterangan Responden iaitu:-

Dia kata selama ini saya tidak bahagia hidup dengan kau, sebab kaulah aku tak dapat hidup dengan keluarga aku. Lepas itu dia cakap "**AKU CERAIKAN KAU DENGAN TALAK TIGA**" Saya kata syukur alhamdulillah, terungkap juga selama ini awak tak pernah mengaku, saya dengar suami cakap macam itu.

6. Di dalam persoalan fakta isu dalam kes ini saya berpendapat bahawa memang terdapat percanggahan keterangan perayu dan responden mengenai lafaz talak tersebut. Di dalam isu ini saya tercari-cari di manakah catatan bicara Hakim mengenai pendirian Hakim mengenai fakta isu tersebut. Saya dapati juga Hakim Bicara tidak menyoal perayu dan responden untuk mendapatkan kepastian yang manakah lafaz talak yang betul, sama ada:-

- i) Aku ceraikan talak tiga; atau
- ii) Saya ceraikan dengan talak tiga; atau
- iii) Aku ceraikan kau dengan talak tiga.

7. Tetapi setelah saya menyemak catatan Hakim Bicara, saya tidak mendapati catatan yang menjurus ke arah itu. Di dalam soal ini juga saya dapati dalam catatan Hakim tidak menyatakan keterangan-keterangan saksi. Ini adalah kerana semasa lafaz tersebut diucapkan tidak ada seorang saksi yang mendengar kecuali mereka berdua sahaja.
8. Di dalam kes ini saya berpendapat oleh sebab ada percanggahan di antara keterangan perayu dengan keterangan responden, maka timbul persoalan yang manakah hendak diterima pakai oleh Mahkamah untuk mensabitkan lafaz talak tersebut.
9. Mengikut pendapat Syeikh Saiyyid Umar Barakat di dalam kitabnya (فيض الإله المالك في حل ألفاظ عمدة السالك) Faidul Ilah al-Malik Fi halli al-Fhaz Umdah al-Salik "oleh Syeikh Saiyyid Umar Barakat jld 2 hlm 227 ada menyebut:
- (إن العبرة عندنا بالزوج ، لأنه المالك للعصمة) رباط الزوجية)
- Sesungguhnya yang dikira dalam masaalah talaq ialah perkataan suami, kerana sesungguhnya suami memiliki kuasa memelihara "عصمة" (ikatan perkahwinan)
- Ini berdasarkan sabda Nabi Muhammad s.aw:

روي ابن عباس : أن النبي صلى الله عليه وسلم قال :

" الطلاق بالرجال ، والعدة بالنساء "

رواه البيهقي في (السنن الكبرى : 7 / 370)

Diriwayatkan daripada Abdullah ibnu Abbas رضى الله عنهما bahawa Nabi Muhammad s.aw bersabda:

"Talaq dikira daripada pengakuan suami (lelaki), manakala Iddah dikira pengakuan isteri (perempuan)"

Riwayat Imam al-Baihaqi (as-Sunan al-Kubra 7/ 370)

10. Mengikut hadis di atas nyatalah bahawa lafaz talak yang telah dinyatakan oleh suami (perayu) adalah diambil kira dan di terima dalam membuat sesuatu keputusan. Ini bermakna bahawa pengakuan suami adalah diterima pakai kerana talak tersebut adalah di tangan suami. Apabila saya selidik saya dapati ketiga-tiga lafaz itu datanganya daripada lafaz suami. Cuma yang membezakannya ialah ucapan kedua dan ketiga yang telah dilafazkan oleh suami (perayu) itu hanya didengar oleh isteri sahaja tanpa ada saksi-saksi yang mendengar. Kemudian berdasarkan kepada pendengaran sahaja tanpa saksi pihak isteri memberi keterangan bahawa ia ada mendengar suaminya mengatakan, kali pertama " **SAYA CERAIKAN DENGAN TALAK TIGA**" yang kedua pula dalam situasi yang berlainan isteri mendengar suami mengucapkan lafaz "**AKU CERAIKAN KAU DENGAN TALAK TIGA**". Pada saya lafaz tersebut perlu dibuktikan sama ada dengan

saksi atau bersumpah. Tetapi dalam kes ini tidak kedapatan catatan tersebut bahawa Hakim menyuruh perayu bersumpah syarie secara al-Yamin al-Mutammimah. Maka telah jelas dan nyata dalam kes ini bahawa pengakuan suami hendaklah diterima dalam membuat penentuan sabit lafaz talak. Berbanding dengan isteri dalam kes ini, isteri hanya mendengar dan dia tidak mempunyai kuasa talak tetapi di dalam soal edah – pengakuan isteri hendaklah diterima pakai kerana suami tidak mengetahui hal dalaman isteri kecuali isteri sahaja mengetahui perkara idah bila tamat.

11. Oleh sebab pengakuan suami diterima dalam kes ini maka saya dapati Hakim Bicara juga berkemungkinan berpegang kepada pengakuan lafaz suami semasa melafazkan talak terhadap isterinya iaitu **"Aku ceraikan talak tiga"** dan saya dapati juga Hakim Bicara tidak berpegang kepada lafaz yang telah dinyatakan dan di dengar oleh isteri.
12. Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ketiga Tahun 1994, perkataan **"Aku Ceraikan Talak Tiga"**

Aku	- Memberi makna kata ganti diri atau di antara orang yang rapat perhubungan mereka.
Cerai	- Memberi makna pisah, putus hubungan sebagai suami isteri atau talak.

- Kan** - (i) Singkatan bagi bukan atau bukan kah
Kah gitu yang baik?
- (ii) Singkatan bagi akan tak-tidak akan
- Talak** - memberi makna pelepasan ikatan nikah
dengan ucapan talak, cerai dan sebagainya
oleh suami.

Mengikut Kitab: **مغني المحتاج** jilid 4 halaman 479 cetakan Maktabah Al-Taufiqiah Mesir (tanpa tarikh) telah mendefinisikan perkataan talak pada sudut bahasa **حل العقد والاطلاق** yang membawa makna merungkaikan ikatan yang lepas.

Di dalam **الموسوعة الفقهية** juzu' 29, Hal 5, cetakan Kementerian Wakat Pentadbiran Islam Kuwait tahun 2004 ada menjelaskan perkataan talak. Talak pada bahasa membawa maksud **الموسوعة الفقهية** iaitu merungkaikan dan melepaskan ikatan .

Di dalam kitab: **القاموس الفقهي لفة واصطلاحا** Karangan al-Syeikh **سعدى أبو حبيب** halaman 230, cetakan Darul Al-Fikir Damsyik Bairut Tahun 1998 m – 1419 Hijriyyah talak pada bahasa **ازالة القيد والتتحيية** yang membawa maksud menghilangkan ikatan dan mengosongkan.

13. Daripada makna-makna dari Kamus Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab menunjukkan bahawa perkataan "**Aku Ceraikan Talak Tiga**" apabila

digabungkan dengan keempat-empat ayat tersebut adalah menunjukkan bahawa ia seolah-olah telah menceraikan isterinya tetapi dalam masa yang sama perkataan talak itu tidak ditujukan kepada isterinya atau tidak mengkhitobkan kepada individu berkenaan. Ayat tersebut kalau di bahaskan mengikut kalimah Arab ia menunjukkan bahawa kalam itu adalah kalam khabari bukan kalam Inyaiyyah. Kalam Khabari bermaksud pemberitahuan semata-mata sebagai contoh **زَيْدٌ قَائِمٌ** mengkhabarkan zaid itu berdiri. Ini berbeza dengan kalam insyaiyyah sebagai contoh **إِنْ زَيْدًا لَقَائِمٌ** yang bermaksud sesungguhnya zaid itu benar-benar berdiri. Kalau lafaz talak tersebut diambil kira maka kalam Insyaiyyah dan khabariah hendaklah di cantumkan/digabungkan barulah wujud kalam talak yang sempurna. Sebagai contoh, isteri berkata kepada suami ceraikan aku, maka jawab suami aku ceraikan engkau dengan talak satu maka baru dinamakan talak yang soreh atau yang sempurna.

Mengikut kitab **”موسوعة القواعد الفقهية”** oleh as-Syeikh Dr. Muhammad Sidqi ibnu Ahmad al-Burnu, jld. 6, hlm 367 iaitu kaedah fiqhiyyah:

القاعدة : العبرة للمفوض نصا دون المقصود

فمفاد القاعدة :

أن الأيمان والطلاق والعتاق ، إنما يكون حجة لبناء الأحكام عليه فيها ، هو اللفظ المنطوق به دون المقصود - إذا كانت ألفاظها صريحة - : لأن هذه الأشياء بني فيها الشرع الأحكام على ألفاظها التي ينطق بها المكلف لا على قصده ونيته ، والشرع إنما يبني الأحكام على الظاهر لا على المضمرة في النفس

ومن أمثلة هذه القاعدة ومساائلها

ومنها : إذا قال : علي الطلاق - أو - الطلاق علي واجب أو لازم ، لا يقع عند كثيرين ، لأن اللفظ لا يدل على طلاق المرأة ، وإنما يدل على كون الطلاق على الرجل ولو نوى به الطلاق

Makna Kaedah Fiqhiyyah " العبرة للمفوض نصا دون المقصود "

"Diambil kira dari sudut lafaz yang diucapkan bukan maksud lafaz itu"

Maksud kaedah Fiqhiyyah ;

Sesungguhnya lafaz **sumpah, talaq, memerdekakan hamba** boleh disabitkan hukumnya berdasarkan lafaz yang diucapkan tanpa merujuk kepada maksud lafaz itu apabila lafaz itu lafaz yang soreh, ini adalah kerana hukum syarak dibina atas lafaz zahir yang diucapkan oleh orang mukallaf bukan merujuk kepada qasad dan niatnya.

Kerana "**Hukum syarak dibina atas hokum zahir bukan atas yang tersirat**".

Contoh dari kaedah fiqhiyyah di atas:

- Apabila si suami berkata: "Atasku Talaq علي الطلاق"
Atau katanya: "Talaq ke atasku adalah wajib الطلاق علي واجب أو لازم"

Menurut pandangan kebanyakan para ulama bahawa lafaz-lafaz di atas tidak sabit jatuh Talaq

Ini adalah kerana lafaz itu tidak menunjukkan kepada mentalaqkan isteri, hanyasanya menunjukkan kepada keadaan talaq itu ke atas isteri, sekalipun suami berniat lafaz itu maksud talaq.

15. Mengikut Prof. Dr. Wahbah az-Zuhailiy di dalam “
” الفقه الشافعي الميسر “, hlm 107 jilid 2, cetakan Dar al-Fikr
tahun 2008, katanya:

فلو حذف المفعول فقال : طالقت
أو قال حاذفا المبتدأ فقال : طالق
أو حاذفا حرف النداء فقال : طالق
لم يقع الطلاق .

Jika suami berkata: **طالقت** (aku telah talaq) iaitu dibuang **المفعول به**

Atau suami berkata: **طالق** (ia tertalaq) iaitu dibuang **المبتدأ**

atau suami berkata: **طالق** (orang yang tertalaq)

iaitu dibuang **حرف النداء**

Maka lafaz-lafaz seperti diatas adalah tidak sabit jatuh talaq

16. Menurut di dalam kitab

” مشكاة المصابيح في شرح العدة والسلاح في أحكام النكاح “ karangan
al-Syeikh Muhammad Ibnu Ahmad Ba Fadhal al-Khadramiy, hlm 271,
cetakan Dar Ibnu Hazam Beirut Lebanon, ada menyebut:

وكذلك لم يقع الطلاق لو قال لإمرأته : طالق , بضمير الغيبة

Jika suami berkata kepada isterinya: “ia tertalaq” dengan
menggunakan **ضمير الغيبة** maka hukumnya tidak jatuh talaq.

16. Mengikut Prof. Dr. Wahbah al-Zuhailiy dalam kitabnya "الفقه الشافعي الميسر", hlm 107 jilid 2, cetakan Dar al-Fikr tahun 2008 ada menerangkan syarat lafaz talaq seperti katanya:

شروط الصيغة

يشترط في الطلاق توجيه الخطاب للمرأة فيقول لها مثلا : أنت طالق

أو بغير خطاب كقوله : هذه طالق

وأن يكون بلفظ صريح ولو من غير نية ، أو بلفظ كناية مع النية

Syarat- syarat lafaz talaq

Disyaratkan pada lafaz talaq itu ialah lafaz **الخطاب** kepada isteri,

seperti kata suami: **أنت طالق** (Engkau tertalaq)

Atau tanpa **خطاب** seperti kata suami: **هذه طالق** (Ini isteriku tertalaq)

Daripada beberapa pandangan ulama' di atas saya berpendapat bahawa mana-mana lafaz talak yang diucapkan oleh suami yang tidak mempunyai/mengandungi khitob, ke atas isterinya adalah tidak jatuh talak walaupun ada menyebutkan talak tiga sekalipun. Inilah yang berlaku terhadap kes rayuan ini.

18. Berlainan pula sekiranya lafaz tersebut mempunyai khitob. Mengikut pandangan Prof Dr. Wahbah al-Zuhailiy dalam kitab "المبسر الفقه الشافعي", dalam hlm 107 jilid 2, cetakan yang sama tahun yang sama ada menyatakan.

والصريح ثلاثة ألفاظ : هي الطلاق ، والفراق ، والسراح على المشهور فيهما لورودهما في القرآن بمعنى الطلاق كأن يقول الزوج لإمرأته : طلقك ، وأنت طالق ، وأنت مطلقة ، وأنت مطلقة ، وأنت طالق

Lafaz الصريح itu ada tiga iaitu:

1- الطلاق

2-الفراق

3-السراح

Adapun lafaz الفراق ، والسراح adalah lafaz soreh kerana masyhur penggunaannya didalam al-quran yang merujuk kepada makna "Talaq" Contoh lafaz soreh:

طلقك : Aku talaqkan engkau

أنت طالق : Engkau tertalaq

أنت مطلقة : Engkau adalah isteri yang telah tertalaq

يا مطلقة : Wahai isteri yang telah tertalaq

يا طالق : Wahai orang yang kena talaq

Oleh yang demikian sekiranya suami ada melafazkan dengan lafaz-lafaz seperti di atas, maka jatuh talak walaupun dengan lafaz talak tiga.

19. Berdasarkan kepada beberapa pandangan ulama tersebut maka saya berpendapat bahawa Hakim Bicara telah terkhilaf untuk membuat penelitian secara terperinci mengenai kandungan ucapan talak yang dibuat oleh perayu sebelum menjatuhkan talak tiga kepada perayu. Oleh itu saya berpendapat bahawa lafaz cerai yang telah dilafazkan oleh perayu yang berbunyi "**AKU CERAIKAN TALAK TIGA**" adalah tidak sabit jatuh talak tiga kerana lafaz tersebut tidak mempunyai khitob, atau ucapan talak tersebut tidak ditujukan kepada isterinya maka dengan ini saya perintahkan seperti berikut:-

Perintah

1. Mahkamah perintahkan bahawa lafaz talak yang dilafazkan oleh perayu yang berbunyi **Aku ceraikan talak tiga** adalah tidak sabit talak dan tidak jatuh talak tiga.
2. Mahkamah membatalkan perintah sabitan talak tiga yang telah dijatuhkan oleh Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah bertarikh 23 Jun 2008.
3. Mahkamah batalkan perintah supaya defendan beridiah dengan tiga kali suci.
4. Mahkamah batalkan perintah supaya perceraian ini didaftarkan Jabatan Agama Islam Daerah Melaka.